

Dr. Mahathir 'Ibnu Khaldun abad ke-21'

UM - 14/6/2004: 3

KUALA LUMPUR 13 Jun — Penerbit Ensiklopedia Tun Dr. Mahathir Mohamad dari Mesir, Dr. Hassan El-Zein menyifatkan bekas Perdana Menteri itu sebagai 'Ibnu Khaldun abad ke-21' kerana sumbangan besarnya kepada pembinaan tamadun dunia.

Menurut beliau, tidak ada mana-mana pemimpin termasuk di rantau Arab sendiri yang dapat dibandingkan dengan Ibnu Khaldun melainkan Dr. Mahathir.

Katanya, disebabkan itu beliau mengambil inisiatif menerbitkan ensiklopedia tersebut bagi membolehkan dunia berkongsi pemikirannya dan seterusnya mendapat manfaat.

Beliau menjelaskan, menerusi ensiklopedia tersebut segala penerangan dalam menangani arus perubahan dunia dapat dipelajari hasil pemikiran tajam Dr. Mahathir.

"Ia diterbitkan dalam 10 jilid yang mengikut topik iaitu Islam dan Umat Islam; Cabaran; Asia; Globalisasi; Malaysia; Globalisasi dan Realiti Baru; Sains, Teknologi dan Hak Asasi Manusia; Politik, Demokrasi dan Asia Baru; Pembangunan dan Kerjasama Serantau; serta Isu Semasa.

"Oleh itu ensiklopedia ini perlu dimiliki oleh semua sama ada peringkat seko-

lah, universiti, pejabat untuk kita sama-sama memahami apa yang berlaku pada dunia," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di sini semalam.

Ensiklopedia terbitan Dar Al Kitab Al Masri yang beribu pejabat di Mesir ini boleh didapati dalam tiga bahasa iaitu Arab, Inggeris dan Melayu.

Ia akan diterbitkan dalam bahasa Perancis, Jepun dan Mandarin tidak lama lagi.


Syarikat yang ditubuhkan sejak tahun 1885 itu telah menerbitkan lebih dari 5,000 judul buku dan ensiklopedia yang menjadikannya sebagai syarikat penerbitan terbesar di negara-negara Arab.

Himpunan

Menurut Hassan, ensiklopedia mengenai Dr. Mahathir itu adalah himpunan ucapan dan kertas kerjanya sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

"Ia telah diterbitkan pada tahun lalu dan setakat ini cetakan pertama sebanyak 50,000 telah habis dijual di seluruh dunia dan kita jangka sebanyak 50,000 lagi akan dapat dijual.

"Ini menggambarkan betapa kagumnya dunia terhadap kepimpinan beliau yang sememangnya cukup dikenali di mana sahaja khususnya di negara Dunia Ketiga.



DR. HASSAN El-Zein bersama Ensiklopedia Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diterbitkan oleh syarikat beliau di Mesir ketika ditemui di Kuala Lumpur kelmarin.

"Sebenarnya terus terang saya katakan bahawa dunia Arab dan Afrika cemburu kepada Malaysia kerana negara ini mempunyai pemimpin sepertinya," ujarnya.

Oleh itu, menurutnya, bukanlah sesuatu menghairankan apabila 'orang luar' seperti beliau tampil untuk menerbitkan ensiklopedia ini.

"Ini kerana pada kami, Dr. Mahathir cukup istimewa dan oleh itu adalah rugi jika ilmu yang ada padanya tidak dapat dikongsi bersama.

"Saya sendiri merupakan peminat nombor satu beliau dan telah mengikutinya sejak tahun 1983 lagi," tambah beliau.

Beliau juga menambah, berdasarkan

perancangan, setiap dua tahun sekali pihaknya akan menambahkan bilangan jilid sejajar dengan perkembangan semasa yang dialami oleh Dr. Mahathir.

"Untuk jualan di Malaysia, sebuah syarikat tempatan iaitu Darul Fikir telah dilantik sebagai pengedar ensiklopedia ini.

"Sebarang maklumat lanjut berhubung dengan ensiklopedia tersebut boleh diperolehi dengan menghubungi syarikat berkenaan di 329B, Jalan Abdul Rahman Idris, Kampung Baru atau melalui nombor telefon 03-26981636," katanya.

Ensiklopedia tersebut dijual pada harga RM1,300 setiap set manakala bagi dwibahasa pula dijual dengan harga RM2,200.